



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) mempelawa petender-petender tempatan dalam kod bidang **221607 - Cetak Keselamatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyertai tender bagi perbekalan seperti yang berikut:

KENYATAAN TAWARAN TENDER DALAM NEGARA				
TAJUK TENDER	SKOP KERJA	DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER, BENTUK PEMBAYARAN & PEMBAYARAN MENGIKUT	TARIKH TUTUP, PENYERAHAN & TEMPOH SAH LAKU DOKUMEN TENDER
<p>TENDER PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MEMBUNGKUS KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN KENDALIAN MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM) BAGI TAHUN PEPERIKSAAN 2023-2026 (TEMPOH DARI 1 MEI 2023 HINGGA 30 APRIL 2026)</p>	<p>TENDER TERBUKA UNTUK MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA</p> <p>NOMBOR TENDER: [MPM(S)/BPK/T3.2/2/2022]</p> <p>Mencetak dan membungkus kertas soalan peperiksaan kendalian Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi tahun peperiksaan 2023-2026 (tempoh dari 1 Mei 2023 hingga 30 April 2026)</p>	<p>Dokumen tender boleh dibeli selepas taklimat. Semua petender yang ingin memasuki tender adalah DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER.</p> <p><u>Taklimat Tender:</u> 18 Julai 2022 (Isnin), jam 11:00 pagi hingga jam 1:00 tengah hari di Bilik Mesyuarat Syed Abu Bakar Barakbah, Aras 4 Utara, Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor</p> <p><u>Pendaftaran:</u> 18 Julai 2022 (Isnin), jam 10:00 pagi hingga jam 11:00 pagi di Lobi, Aras 1, Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor</p> <p>Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman sesawang seperti yang berikut:</p> <p>Majlis Peperiksaan Malaysia: https://www.mpm.edu.my/orang-awam/tender-sebutharga/tawaran-tender-sebut-harga</p> <p>Kementerian Pendidikan Malaysia: https://www.moe.gov.my/tender/tawaran</p> <p>dan</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia: http://myprocurement.treasury.gov.my</p>	<p>RM100.00/Set (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja)</p> <p><u>Bayaran melalui:</u></p> <p>Tunai/kad kredit/ kad debit</p> <p>di</p> <p>Bahagian Pengurusan Kewangan, Aras 4 Utara, Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor.</p> <p>Petender/wakil hendaklah mememukakan Sijil Asal Perakuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia beserta satu (1) salinannya dan Surat Wakil Syarikat (sekiranya bukan penama dalam sijil) yang masih berkuatkuasa semasa memohon pembelian dokumen tender.</p>	<p>Petender dikehendaki mengemukakan SEMUA borang dan dokumen sokongan yang diminta oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dalam dokumen tender.</p> <p>Sampul surat yang telah lengkap hendaklah dialamatkan kepada:</p> <p>KETUA EKSEKUTIF Majlis Peperiksaan Malaysia Aras 3 Selatan, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor</p> <p>ATAU</p> <p>Dimasukkan sendiri ke dalam peti tender seperti pada alamat di atas</p> <p>sebelum 12:00 tengah hari pada 3 Oktober 2022 (Isnin)</p> <p>Majlis Peperiksaan Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen akibat kesilapan atau kecuaiannya petender memasukkan dokumen tersebut ke dalam peti selain peti tender yang ditetapkan.</p> <p>Tempoh Sah Laku Tender: 180 hari</p>

- 1) Petender yang berminat adalah dipelawa untuk menyertai tender di atas dan hendaklah mematuhi **DOKUMEN WAJIB** yang diperlukan seperti di bawah:
 - a) Memenuhi kriteria dan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam jadual tawaran tender; dan
 - b) **Dokumen Tawaran Tender** - Petender dikehendaki menyediakan **dua(2) sampul surat yang bersesuaian**. Dokumen tawaran tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat pertama(1) dan *diseal*. Selepas itu, **sampul surat pertama(1) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat kedua(2)**. Sampul surat kedua (2) hendaklah **dilakri/seal** dan dicatatkan Nombor Tender: **MPM(S)/BPK/T3.2/2/2022** pada **penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut
- 2) Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen dan mematuhi arahan yang diminta, maka MPM mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran petender. Majlis Peperiksaan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
- 3) Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari laman sesawang Majlis Peperiksaan Malaysia bagi mendapatkan maklumat tentang sebarang perubahan berkaitan dengan tender. Semua pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dikemukakan kepada **Encik Ahmad Kamal bin Haji Abdul Hadi, Setiausaha Bahagian Percetakan Keselamatan, Majlis Peperiksaan Malaysia** melalui e-mel **tender@mpm.edu.my**.